Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda

Mimbar Nakhoda منبرنقهودا

BIL: 22/JAMADIL AWAL 1436H/MAC 2014M PERCUMA UNTUK AHLI JEMAAH MASJID

PERISTIWA PENTING DI BULAN JAMADIL AWAL

JAMADIL AWAL memberi erti permulaan musim sejuk. Dari segi bahasa, ia bermaksud kering atau beku. Bulan ini dinamakan sedemikian adalah kerana dalam bulan tersebut orang Arab pada zaman dahulu mengalami kekeringan air atau air menjadi beku. Pada ketika itu parit, sumur, sungai dan lembah menjadi kering. Antara peristiwa penting di bulan Jamadil Awal:

1. **2 Jamadil Awal 3H / 21 Oktober 624M -** Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam mengutuskan Zaid bin Harithah Radhiyallahu 'Anhu mengetuai sebuah jemaah Sariyah untuk menahan rombongan dagang Quraisy. Mereka berjaya melakukan misi tersebut di satu tempat bernama Al-Qirdah. Ini adalah peristiwa pertama Ummat Islam berjaya mendapat Ghanimah harta rampasan perang.
2. **13 Jamadil Awal –** Sayyidatina Fathimah Az-Zahra telah Syahid, berdasarkan sebahagian riwayat Islam, Fathimah Az-Zahra, puteri Rasulullah gugur Syahid. Fathimah Az-Zahra dalam usianya yang pendek telah melalui kehidupan yang penuh penderitaan namun penuh dengan teladan dan pelajaran berharga bagi umat manusia. Pada usia kanak-kanak, ibu beliau, Sayyidatina Khadijah Radhiyallahu 'Anha meninggal dunia. Sejak itu pula, Fathimah Az-Zahra mendampingi ayahandanya dalam mendakwahkan Islam. Fathimah Az-Zahra merasakan dan menyaksikan berbagai gangguan dan permusuhan yang dilancarkan kaum Kafir terhadap Ummat Muslimin. Di bawah asuhan ayahanda beliau, Fathimah Az-Zahra mencapai keilmuan dan ketakwaan yang sangat tinggi. Di antara kalimat teladan yang pernah diucapkan Fathimah Az-Zahra sa adalah sebagai berikut: Ada tiga hal yang daku cintai di dunia iaitu: membaca Al-Quran, memandang wajah Rasulullah dan bersedekah di Jalan Allah.
3. **15 Jamadil Awal -** Imam 'Ali Zainal Abidin Radhiyallahu 'Anhu telah dilahirkan, berdasarkan sebahagian riwayat Islam, pada hari ini Imam 'Ali bin Husain putera Imam Husain, cucu Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam terlahir ke dunia di Kota Madinah. Ketakwaan, ketinggian ilmu, dan kedermawanan Imam 'Ali bin Husain membuat beliau digelari Zainal Abidin atau "Hamba yang mulia". Imam 'Ali Zainal Abidin merupakan salah satu dari 72 anggota kafilah Imam Husain di Karbala. Beliau menyaksikan sendiri ayah, paman, sepupu, dan sahabat-sahabat Imam Husain satu-persatu dibunuh. Namun kerana sakit, Imam 'Ali Zainal Abidin tidak bisa ikut bertempur. Setelah peristiwa tersebut, Imam Zainal Abidin mengabdikan hidup beliau untuk menyampaikan pesan perjuangan Imam Husain dan kebenaran Islam kepada kaum Muslimin. Imam 'Ali Zainal Abidin dikenal sangat tekun beribadah dan sangat banyak bersujud menghadap Allah Ta'ala, sehingga beliau juga digelari Imam As-Sajjad.
4. **14 Jamadil Awal 73H / 1 Oktober 692M -** Kesyahidan 'Abdullah bin Az-Zubair bin Al-Awwam. Beliau adalah bayi pertama yang lahir ketika umat Islam berada di era Daulah Islamiyyah. Beliau dilahirkan di Madinah Munawarah. Seorang yang berani dan menyertai peperangan sejak mudanya. Terlibat di dalam pembukaan Afrika Utara di zaman 'Utsman bin 'Affan. Beliau mati dibunuh oleh Al-Hajjaj di zaman pemerintahan Abdul Malik bin Marwan.
5. **11 Jamadil Awal 150H / 14 Jun 767M -** Kewafatan An-Nu'man bin Tsabit bin An-Nu'man yang lebih dikenali sebagai Imam Abu Hanifah. Beliau adalah pengasas Mazhab Hanafi. Dilahirkan di Kufah dan menjadi ketua 'Ulama Kufah sesudah kewafatan gurunya.

KISAH IMAM ABU HANIFAH

Imam Abu Hanifah seorang pelajar pintar, malah beliau pernah digambarkan gurunya (dalam bidang hadis): "Aku tahu bahawa matahari adalah cerah. Aku tahu pembelajaran dan Abu Hanifah seiring antara satu sama lain." Beliau terkenal dengan kerajinan menuntut ilmu dan sangat menghormati gurunya, malah sering memberikan hadiah kepada mereka termasuk guru yang mengajar anaknya. Disebabkan kepintaran dan ketekunan itu, beliau terkenal dengan kebijaksanaan dalam membezakan hadis sahih dan sebaliknya kerana sangat berhati-hati dalam menentukan sesuatu hukum mengikut martabat hadis. Lebih penting, beliau muncul sebagai ilmuwan dan ahli fikir Islam yang bijak menggunakan akal dalam memutuskan hukum apabila ia tidak terdapat dalam al-Quran dan hadis. Keistimewaan luar biasa beliau diakui sendiri Imam Malik.

Suatu ketika Imam Abu Hanifah menemui Imam Malik yang sedang duduk bersama beberapa sahabatnya. Apabila beliau keluar, Imam Malik menoleh kepada sahabatnya dan bertanya: "Tahukah kalian, siapa beliau?" Mereka menjawab: "Tidak." Imam Malik berkata: "Beliaulah Nukman bin Tsabit, yang seandainya berkata bahawa tiang masjid itu emas, nescaya perkataannya diterima orang sebagai hujah." Tidaklah dikatakan sebagai berlebih-lebihan apa yang diucapkan Imam Malik dalam menggambarkan diri Imam Abu Hanifah kerana beliau memang memiliki kekuatan dalam berhujah, cepat daya tangkapnya, cerdas dan tajam wawasannya.

Buku sejarah banyak menggambarkan kekuatan hujah beliau dalam menghadapi lawan bicaranya ketika berdebat. Demikian juga hujahnya ketika menghadapi golongan penentang akidah. Semuanya membuktikan kebenaran pujian Imam Malik: "Seandainya beliau mengatakan bahawa tanah di tanganmu itu emas, maka engkau akan membenarkannya kerana alasannya yang tepat dan mengikuti pernyataannya."

Mengenai susuk peribadi Imam Abu Hanifah pula, digambarkan seorang yang mempunyai ketinggian sederhana, kacak, kurus, baik wajahnya dan berperwatakan manis, bahkan tampak kehebatannya. Beliau mempunyai janggut yang panjang dan dalam keadaan tenang. Tutur katanya baik dan fasih. Cara beliau bercakap sangat menyenangkan dengan suaranya yang kuat dan jelas sehingga sesuatu masalah dihadapi menjadi mudah untuk diselesaikan. Selain itu, beliau seorang bercita rasa baik dan sering mengenakan wangian apabila keluar rumah. Beliau juga suka berpakaian dengan baik. Kadangkala beliau memakai jubah.

Abu Nu'aim berkata: "Abu Hanifah adalah seorang yang tampan. Wajahnya bersih dan baik janggutnya. Begitu juga pakaian dan kasutnya. Banyak berkorban kepada manusia." Beliau seorang pembersih. Malah, ada seorang pernah bercerita mengenai kasutnya:" Beliau sangat menjaga kebersihan kasutnya sehingga tidak ternampak sedikit pun kotoran." Oleh kerana beliau sangat mengambil berat mengenai kebersihan dan aspek pemakaian, beliau juga sering memberikan nasihat kepada orang lain agar mengikutinya.

Pada satu hari di majlis perhimpunan ada dalam kalangan hadirin berpakaian tidak senonoh. Beliau meminta orang itu menemuinya di luar majlis dan kemudiannya menghadiahkan kepadanya seribu dirham untuk membeli pakaian baru. Namun orang itu berkata kepadanya: "Aku adalah seorang kaya dan aku tidak berkehendak kepada sebarang pertolongan." Imam Abu Hanifah menjawab: "Tidakkah kamu mendengar sabda Rasulullah SAW yang maksudnya, bahawa Allah suka melihat kesan nikmat yang diberikan kepada hambaNya. Oleh itu, hendaklah kamu mengubah kedudukan kamu agar orang lain tidak akan jemu kepada kamu."

Mimbar Nakhoda ini diterbitkan secara bulanan oleh Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda, Jalan Nakhoda Tengah, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan dengan kerjasama Naqsyabandi Akademi Quran Sunnah Hadits, Madrasah Ulul Azmi, Kampung Sepakat Wira Damai, Batu Caves. Cetakan adalah terhad, maka digalakkan untuk difotostat dan diedarkan kepada orang lain, semoga Allah memberkati dan memberikan ganjaran pahala yang berterusan, Amin.

Ketua Editor: Ust. Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi / Penolong Editor: Sdr. Muhammad Taufiq

Kisah Imam Abu Hanifah Berdialog Dengan Dahri

Pada suatu ketika, kota Baghdad didatangi oleh seorang pendakyah Yahudi bernama Dahri. Kedatangannya mencetuskan kegemparan dikalangan Ummat Islam. Dahri cuba merosakkan pegangan Ummat Islam dengan membahaskan soal-soal yang berhubung-kait denngan Ketuhanan. Dicabarnya Para 'Ulama Baghdad untuk berdebat dengannya. Setiap kali cabarannya disahut, hujah-hujah Dahri tidak pernah dapat dipatahkan sehingga akhirnya tidak ada lagi 'Ulama Baghdad dan 'Ulama-'ulama di sekitarnya yang sanggup berhadapan dengannya. Dari kejadian ini, tahulah Khalifah bahawa Baghdad sudah ketiadaan 'Ulama yang benar-benar berwibawa dan tinggi ketaqwaannya. Lalu Khalifah memerintahkan beberapa orang menteri meninjau ke daerah lain, kalau-kalau masih ada 'Ulama yang boleh dibawa berdepan dengan Dahri. Akhirnnya wakil Khalifah menemui Imam Hammad bin Abi Sulaimann Al-Asy'ari, seorang 'Ulama yang tidak kurang juga ketokohannya. Khalifah memerintahkan supaya hari perdebatan antara Imam Hammad dan Dahri disegerakan. Dan majlis bersejarah itu mesti dibuat di Masjid Jamek di tengah-tengah kota Baghdad. Sehari sebelum pertemuan itu lagi, Masjid Jamek telah penuh sesak dengan orang ramai. Masing-masng menaruh harapan agar Imam Hammad berjaya menumbangkan Dahri kerana beliaulah satu-satunya 'Ulama yang diharapkan. "Subhanallah, Subhanallah, Wala Haula Wala Quwwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azhim." Lidah Imam Hammad terus melafazkan kalimat mensucikan segala tohmahan yang tidak layak bagi Zat Yang Maha Agung. Dia beristighfar terus. Rasanya dah tidak sanggup telinganya menadah bermacam tohmahan yang dilemparkan oleh Dahri yang biadab itu. Mempertikaikan Keesaan Allah Ta'ala bukanlah perkara kecil dalam Islam. Hatinya cukup pedih. Ruh Tauhidnya bergelora. Mahu rasanya dipenggal leher Dahri yang angkuh itu di depan ribuan mata yanng turut hadir dalam majlis itu.

Keesokannya, pagi-pagi lagi muncul Abu Hanifah, murid Imam Hammad yang paling rapat dan yang paling disayanginya. Namanya yang sebenar ialah Nu'man yang ketika itu usiannya masih lagi remaja. Bila ternampak keadaan gurunya itu, Abu Hanifah pun bertanya untuk mendapat kepastian. Lalu Imam Hammad menceritakan keadaan yang sebenar. Dalam pada itu teringat Hammad akan mimpinya malam tadi, lalu dikhabarkan kepada muridnya itu. Abu Hanifah mendengarnya dengan penuh khusyuk. "Aku bermimpi ada sebuah dusun yang amat luas lagi indah. Di sana kulihat ada sepohon kayu yang rendang dan lebat buahnya. Tiba-tiba, di situ keluar seekor khinzir dari hujung sebuah kampung. Lalu habis dimakannya buah-buahan yang masak ranum dari pokok itu. Hingga ke daun dan dahan-dahannya habis ditutuh.Yang tinggal cuma batangnya sahaja. Dalam pada itu juga keluar seekor harimau daripada umbi pohon rendang tadi lalu menerkam khinzir itu dengan gigi dan kukunya yang tajam. Lalu, khinzir tadi mati di situ juga." Hammad termenung seketika. Kekalutan pemikiran yang telah dicetuskan Dahri yang boleh menggugat pegangan 'Aqidah Ummat ini tidak boleh dibiarkan dan mesti dihapuskan segera. Wajahnya yang tenang bagai air sungai yang mengalir jernih, masih nampak bercahaya walau di saat sebegitu genting.

Satu kelebihan Abu Hanifah ialah beliau juga dikurniakan Allah ilmu menta'bir mimpi, sebagaimana Nabi Allah Yusuf. Pada pengamatannya juga, mimpi tersebut akan memberi petanda baik bahawa Dahri pasti akan menerima padahnya nanti. Dan setelah mendapat keizinan gurunya, dia pun cuba mentafsirnya: "Apa yang tuan lihat dalam mimpi tuan sebagai dusun yang luas lagi indah itu adalah tamsilan kepada Agama Islam kita. Pokok yang berbuah lebat itu adalah tamsilan kepada sekalian 'Ulamanya. Manakala sepohon kayu yang masih tinggal itu adalah tuan sendiri. Dan khinzir yang tiba-tiba muncul dan merosakkan pohon tersebut ialah Dahri. Manakala harimau yang keluar lalu membunuh khinzir tadi adalah saya," jelas Abu Hanifah.

Beliau juga memohon izin untuk membantu gurunya berdepan dengan Dahri. Betapa gembiranya hati Iman Hammad bila tercetusnya hasrat itu dari hati muridnya sendiri. Maka berngkatlah Abu Hanifah bersama gurunya untuk pergi ke Masjid Jamek di mana majlis dialog akan diadakan yang dihadiri oleh orang ramai dan Khalifah. Seperti biasanya, sebelum menyampaikan dakyahnya, Dahri akan mencabar dan memperleceh-lecehkan 'Ulama dengan bersuara lantang dari atas pentas. "Hai Dahri! Apalah yang digusarkan. Orang yang mengetahuinya pasti menjawabnya!" Tiba-tiba suara Abu Hanifah memeranjatkan Dahri dan menyentakkan kaum Muslimin yang hadir. Dahri sendiri terkejut. Matanya memandang tajam mata Abu Hanifah.

"Siapa kamu hai anak muda? Berani sungguh menyahut cabaranku? Sedangkan 'Ulama yang hebat-hebat, yang berserban dan berjubah labuh telah ku kalahkan!" Lantang suara Dahri membidas Abu Hanifah. "Wahai Dahri," balas Abu Hanifah, "Sesungguhnya Allah tidak mengurniakan kemuliaaan dan kebesaran itu pada serban atau jubah yang labuh. Tetapi Allah mengurniakan kemuliaan kepada orang-orang yang berilmu dan bertaqwa." Abu Hanifah lalu membacakan sebuah firman Allah yang bermaksud: "Allah telah meninggikan darjat orang beriman dan berilmu antara kamu beberapa darjat." [Al-Mujadalah: 11] Geram rasanya hati Dahri mendengarnya kepetahan lidah pemuda ini berhujah. Maka berlangsunglah majlis dialog.perdebatan antara Abu Hanifah dengan tokoh Ad-Dahriayah, yang terkenal dengan pemikiran Materialis dan Ateisnya itu, berlangsung dengan mendebarkan.

"Benarkah Allah itu Wujud?" Soal Dahri memulakan majlis dialognya. "Bahkan Allah memang Wujud," tegas Abu Hanifah. "Kalau Allah Maujud (Wujud), di manakah tempatnya?" Suara Dahri semakin meninggi. "Allah tetap Wujud tetapi dia tidak bertempat!" Jelas Abu Hanifah. "Hairan, kau kata Allah itu Wujud, tetapi tidak bertempat pula?" Bantah Dahri sambil melemparkan senyuman sinisnya kepada hadirin. "Ah, itu senang sahaja wahai Dahri, cuba kau lihat pada dirimu sendiri. Bukankah pada dirimu itu ada nyawa?" Abu Hanifah mula berhujah. Orang ramai mula memerhatikan gaya ilmuan muda ini berpidato dengan penuh minat. "Bahkan, memang aku ada nyawa dan memang setiap makhluk yang bernafas itu ada nyawa!" Sahut Dahri.

"Tetapi adakah kau tahu di manakah letaknya nyawa atau Ruhmu itu? Di kepalakah, di perutkah atau adakah di hujung tapak kakimu?" Terserentak Dahri seketika. Orang ramai mula berbisik-bisik sesama sendiri. Setelah itu Abu Hanifah mengambil pula segelas susu lalu ditunjukkan pada Dahri, seraya berkata, "Adakah dalam air susu ini ada terkandung lemak?" Pantas Dahri menjawab, "Ya, bahkan!" Abu Hanifah bertanya lagi, "Kalau begitu di manakah lemak itu berada? Di bahagian atasnyakah atau di bawahkah?" Sekali lagi Dahri terserentak, tidak mampu menjawab pertanyaan Abu Hanifah yang petah itu. "Untuk mencari dimanakah beradanya Ruh dalam jasad dan tersisip di manakah kandungan lemak dalam air susu ini pun kita tidak upaya, masakan pula kita dapat menjangkau di manakah beradanya Zat Allah Subhanahu Wa Ta'ala di alam maya ini? Zat yang telah mencipta dan mentadbir seluruh alam ini termasuk Ruh dan akal dangkal kita ini pun ciptaanNya, yang tunduk dan patuh di bawah urusan tadbir kerajaanNya Yang Maha Agung!"

Suasana menjadi agak bingar. Dahri terpaku di kerusi. Terbungkam lidahnya. Merah mukanya. Kesabarannya mula terburai. Bila keadaan agak reda, Dahri membentangkan soalan. "Hai anak muda! Apakah yang wujud sebelum Allah. Dan apa pula yang muncul selepas Dia nanti?" Semua mata tertumpu pada Abu Hanifah, murid Imam Hammad yang pintar ini. "Wahai Dahri! Tidak ada suatu pun yang wujud sebelum Allah Taala dan tidak ada sesuatu jua yang akan muncul selepasNya. Allah Subhanahu Wa Ta'ala tetap Qadim dan Azali. Dialah yanng Awal dan Dialah yang Akhir," tegas Abu Hanifah, ringkas tapi padat. "Pelik sungguh! Mana mungkin begitu? Tuhan Wujud tanpa ada permulaanNya? Dan mana mungkin Dia pula yang terakhir tanpa ada lagi yang selepas Nya?" Dahri cuba berdalih dengan minda logiknya. Dengan tersenyum Abu Hanifah menjelaskan, "Ya! Dalilnya ada pada diri kamu sendiri. Cuba kau lihat pada ibu jari mu itu. Jari apakah yang kau nampak berada sebelum jari ini?" Sambil menuding ibu jarinya ke langit. Dan beberapa hadirin turut berbuat demikian. "Dan pada jari manis kau itu, ada lagikah jari yang selepasnya." Dahri membelek-belek jarinya. Tidak terfikir dia persoalan yang sekecil itu yang diambil oleh Abu Hanifah. "Jadi, kalaulah pada jari kita yang kecil ini pun, tidak mampu kita fikir, apatah lagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala Zat Yang Maha Agung itu, yang tiada suatu pun yang mendahuluiNya dan tiada sesuatu yang kemudian selepasNya." Sekali lagi Dahri tercenggang, bungkam. Namun masih tidak berputus asa untuk mematahkan hujah anak muda yang telah memalukannya di khalayak ramai.

Khalifah memerhatikan sahaja gelagat Dahri dengan penuh tanda tanya. Dahri berfikir seketika mencari jalan, mencari idea. Semacam suatu ilham baru telah menyuntik mindanya, iapun tersenyum. Hati Dahri bergelodak bagai air tengah menggelegak. "Ini soalan yang terakhir buat mu, hai budak mentah!" Sengaja Dahri mengeraskan suaranya agar rasa malunya itu terperosok. "Allah itu ada, katamu. Ha! apakah pekerjaan Tuhanmu ketika ini?" Soalan tersebut membuat Abu Hanifah tersenyum riang. "Ini soalan yang sungguh menarik. Jadi kenalah dijawab dari tempat yang tinggi supaya dapat didengar oleh semua orang," katanya. Dahri yang sedari tadi mentalitinya dicabar terus, berjalan turun meninggalkan mimbar Masjid Jamek, memberi tempat untuk Abu Hanifah: "Wahai sekelian manusia. Ketahuilah bahawa kerja Allah ketika ini ialah menggugurkan yang Bathil sebagaimana Dahri yang berada di atas mimbar, diturunkan Allah ke bawah mimbar. Dan Allah juga telah menaikkan yang Haqq sebagaimana aku, yang berada di bawah sana telah dinaikkan ke atas mimbar Masjid Jamek ini!" Bagai halilintar, hujah Abu Hanifah menerjah ke dua-dua pipi Dahri. Seiring dengan itu bergemalah pekikan Takbir dari orang ramai. Mereka memuji-muji kewibawaan Abu Hanifah yang telah berjaya menyelamatkan maruah Islam dari lidah Dahri yang sesat lagi menyesatkan itu. Sehingga ke hari ini, nama Imam Abu Hanifah terus dikenali keserata dunia sebagai seorang Fuqaha dan salah seorang daripada Imam Mujtahid yang empat. Kemunculan Mazhab Hanafi dalam Fiqh Syar'iyyah juga mengambil sempena nama 'Ulama ini.

Imam Abu Hanifah Dengan Seorang Anak Kecil

Kisah bermula di mana ketika beliau sedang berjalan, tiba-tiba beliau melihat seorang kanak-kanak sedang berjalan dengan memakai kasut kayu. Beliau seraya menegur budak tersebut dengan mengatakan: "Wahai budak, berhati-hati dengan kasut kayumu itu. Bimbang nanti engkau akan tergelincir." Budak tersebut mengucapkan terima kasih di atas perhatian Imam kepadanya. Budak itu tiba-tiba bertanya: "Wahai Tuan, siapakah nama Tuan?" Imam Abu Hanifah lalu menjawab: "Namaku Nu'man". "Oh, rupa-rupanya Tuanlah yang digelar Al-Imam Al-A'zham, Imam Yang Sangat Hebat itu?" Budak itu bertanya kembali kepada Imam Abu Hanifah. Imam Abu Hanifah lalu menjawab: "Bukan aku yang meletakkan gelaran tersebut. Namun orang ramai yang bersangka baik denganku yang meletakkannya." Budak itu lalu menjawab: "Wahai Imam, janganlah sampai engkau tergelincir ke dalam api Neraka disebabkan gelaranmu itu. Aku hanya memakai kasut kayu yang jika aku tergelincir, tapi hanya di Dunia semata-mata. Namun gelaranmu itu terkadang membuatkan seseorang tergelincir ke dalam Neraka Allah lantaran angkuh dan bangga." Lalu menangislah Imam Abu Hanifah mendengar nasihat daripada anak kecil tersebut. Allahu Allah. Semoga kita juga dapat mengambil akhlak dan peribadi Imam Abu Hanifah Al-Imam Al-A'zham ini. Terima kasih atas baik sangka orang lain terhadap kita.

Kisah Imam Abu Hanifah Memotong Epal

Suatu ketika Imam Abu Hanifah sedang mengajar anak muridnya ramai. Tiba-tiba datang seorang perempuan membawa sebiji epal dan diberi kepada salah seorang anak murid tadi supaya diserahkan kepada Imam Abu Hanifah. Anak murid tadi membawa kepada Imam Abu Hanifah lalu berkata, "Seorang perempuan datang meminta diberikan kepada Tuan Syaikh, epal ini". Lalu Imam Abu Hanifah meminta seorang muridnya supaya membawa sebilah pisau. Beliau membelah epal itu kepada dua bahagian lalu berkata kepada anak muridnya "Hantar kembali epal ini kepada perempuan tadi". Sebaik menerima epal yang telah dibelah tadi, perempuan itu terus pergi meninggalkan majlis ilmu tersebut. Semua yang melihat kejadian tersebut tercegang, tidak faham apa yang berlaku. Tidak berlaku komunikasi antara perempuan tersebut dan Imam Abu Hanifah namun masing-masing faham tindakan satu sama lain. Sebaik menerima epal yang telah dibelah tadi, perempuan itu terus pergi meninggalkan majlis ilmu tersebut. Semua yang melihat kejadian tersebut tercegang tidak faham apa yang berlaku. Tidak berlaku komunikasi antara perempuan tersebut dan Imam Abu Hanifah namun masing-masing faham tindakan satu sama lain. Lalu Imam Abu Hanifah bertanya "Kamu tahu kenapa dia datang ke mari? Kamu faham apa yang ditanya?" "Tak tahu," jawab si anak murid." "Dia datang untuk bertanyakan masalah tentang hukum darah Haidh," jawab Imam Abu Hanifah lalu menyambung penjelasannya. "Yang dia bawa tadi adalah epal yang kulitnya nampak kekuningan dan dia bertanya aku apabila darah Haidh kekuningan seperti ini, sudah sucikah dan boleh Shalatkah? Lalu aku belah epal itu untuk menjawab kepadanya bila putih seperti isi dalam itu baru boleh Shalat." Begitu tinggi ilmu beliau firasat Imam Abu Hanifah. Kalau kita bagaimana?

Kisah Imam Abu Hanifah dan Surah Al-Fatihah

Selepas selesai menunaikan ibadah Haji, Imam Abu Hanifah pergi ke Madinah bagi menziarahi Maqam Rasulullah. Semasa berada di Madinah, Imam Abu Hanifah lebih gemar beriktikaf di Masjid Nabi. Oleh kerana namanya sudah terkenal, penduduk Madinah meminta beliau mengadakan kuliah Agama. Imam Abu Hanifah mengajar mengikut Ijtihadnya sendiri. Manakala 'Ulama-'Ulama Madinah pula tidak bersetuju dengan beberapa Ijtihad Imam Abu Hanifah, antaranya mengenai Shalat berjemaah. Menurut Imam Abu Hanifah, memadai Imam sahaja yang membaca Al-Fatihah. Fatwa Imam Abu Hanifah itu menjadi perbualan orang ramai. Ada yang bersetuju dan ramai yang tidak bersetuju. Bagi mengatasi masalah itu, penduduk Madinah meminta Para 'Ulama berbahas dengan Imam Abu Hanifah. "Imam Abu Hanifah, kami datang mahu berbahas dengan tuan mengenai pendapat tuan yang mengatakan apabila Shalat berjemaah hanya Imam yang membaca Al-Fatihah. Sedangkan dalam Hadits Nabi mengatakan bahawa bacaan Al-Fatihah adalah Wajib dalam Shalat," kata salah seorang dari 'Ulama Madinah itu. "Saya tidak menolak Hadits itu, tapi menolak perawi Hadits itu. Saya pernah berguru dengan Ibnu Mas'ud yang pernah hidup pada zaman Rasulullah. Beliau mengatakan mereka yang baru memeluk Islam dan belum hafaz bacaan Al-Fatihah juga mendirikan Shalat di belakang Rasulullah. Oleh kerana itu saya berfatwa memadai sahaja Imam yang membaca Al-Fatihah," kata Imam Abu Hanifah. 10 'Ulama Madinah itu tak puas hati dan tak dapat menerima pendapat Imam Abu Hanifah. Setelah agak lama berdebat akhirnya Imam Abu Hanifah pun berkata, "Perdebatan ini sungguh tak adil kerana kamu datang 10 orang melawan saya seorang. Kamu pula Para 'Ulama yang hebat sedangkan saya hanya orang biasa saja. Oleh kerana itu kamu pulang dulu kemudian bincang siapa yang menjadi wakil kamu bagi berdebat dengan saya". "Baiklah kami setuju," kata mereka lalu pulang. Kemudian mereka berbincang bagi memilih siapa dari kalangan mereka yang paling layak berdebat dengan Imam Abu Hanifah. Berlaku pertengkaran sesama mereka kerana masing-masing mahu menjadi wakil. Akhirnya tercapai juga kata sepakat lalu dipilih seorang yang paling tua dalam kalangan mereka. Keesokan harinya, sekali lagi 10 'Ulama itu datang menemui Imam Abu Hanifah. Kemudian salah seorang daripada mereka berkata, "Kami sudah mencapai kata sepakat melantik salah seorang antara kami menjadi wakil bagi berdebat dengan tuan." "Adakah dia yang paling tua dalam kalangan kamu?" Tanya Imam Abu Hanifah. "Benar lelaki ini yang paling tua dalam kalangan kami," jawab salah seorang daripada mereka. "Adakah dia yang paling warak?" Tanya Imam Abu Hanifah lagi. "Benar dia yang paling warak dalam kalangan kami." "Adakah dia yang paling fasih lidahnya?" "Memang benar lelaki ini yang paling fasih lidahnya antara kami." "Wakil kami itu adalah orang yang paling 'Alim antara kami." Imam Abu Hanifah tersenyum lalu berkata, "Kamu sudah memilih salah seorang antara kamu menjadi wakil. Adakah kamu akan terima apa sahaja yang dia perkatakan?" "Benar tuan sebab dia yang paling layak sebab itu kami sudah sepakat melantik dia," kata salah seorang kumpulan 'Ulama Madinah itu. "Begitu jugalah dengan Shalat. Imam itu dilantik daripada persetujuan orang ramai. Dia yang paling tua umurnya, paling baik pekertinya, paling berilmu pengetahuan dan paling penting fasih lidahnya membaca Al-Fatihah. Apabila kamu sepakat melantik seseorang menjadi Imam, cukup dia seorang yang membaca Al-Fatihah seperti kamu sepakat melantik dia menjadi wakil dan bersetuju dengan apa yang diperkatakannya," kata Imam Abu Hanifah. Akhirnya 10 'Ulama Madinah itu bersetuju dengan pendapat Imam Abu Hanifah bahawa apabila Shalat berjemaah, cukup sekadar Imam yang membaca Surah Al-Fatihah.